

SOALAN NO. 254**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN IGNATIUS DORELL
LEIKING [PENAMPANG]**

SOALAN :

YB Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah benar tidak ada peruntukan yang disalurkan kepada kawasan pembangkang dan jika Pengerusi Barisan Nasional di kawasan yang diwakili oleh pembangkang berhak untuk berurusan dengan dana yang (Allocation Parliament) disalurkan di kawasan tersebut dan berapakah jumlah dana ini di setiap kawasan diwakili Ahli-Ahli Parlimen Pembangkang.

148

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan pada setiap tahun di bawah Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri telah menyediakan sejumlah peruntukan untuk semua kawasan Parlimen di seluruh negara. Peruntukan yang disediakan ini adalah bagi pelaksanaan pelbagai program/projek kecil dan pembekalan yang merupakan *complement* dan *supplement* bagi projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun.

Semua pihak boleh mengemukakan cadangan permohonan dan akan dipertimbangkan berdasarkan keutamaan, keperluan dan kedudukan kewangan Kerajaan serta garis panduan dan peraturan semasa yang berkaitan. Pelaksanaan program/projek di bawah Peruntukan Khas kawasan Parlimen adalah diselaraskan oleh Jabatan Pembangunan Persekutuan/Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri.

Sekian, terima kasih.